



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA**  
**MALAYSIAN PINEAPPLE INDUSTRY BOARD**  
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan  
**Ministry Of Agriculture And Food Industries**  
Wisma Nanas,  
No. 5, Jalan Padi Mahsuri  
Bandar Baru Uda,  
81200 JOHOR BAHRU,  
JOHOR, MALAYSIA



Tel : 07-2361211  
Faks : 07-2365454 / 5694  
Email : [umum@mpib.gov.my](mailto:umum@mpib.gov.my)  
Portal Rasmi : <http://www.mpib.gov.my>

---

## KENYATAAN MEDIA

### ISU VIRAL VIDEO BUAH NANAS TIDAK DAPAT DIJUAL KESAN DARI PKP 3.0

1. Adalah dimaklumkan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, telah mengambil perhatian berkenaan video tular di *instagram* bertarikh 29 Jun 2021 berkenaan buah nanas yang tidak dapat dikeluarkan dan dijual dari sebuah kebun.
2. Di dalam video tersebut, pekebun menyatakan ketidakpuashatian berhubung situasi Perintah Kawalan Pergerakan serta *lockdown* yang sedang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan pada masa kini yang telah menyebabkan beliau tidak dapat menjual hasil buah nanas yang diusahakan dan berlakunya masalah pemasaran.
3. Dapatan daripada video tular ini, pihak LPNM telah mengenalpasti pekebun yang mengalami masalah tersebut dan telah turun ke lapangan pada 30 Jun 2021 untuk melawat dan meninjau kebun yang diusahakan oleh pekebun ini.
4. Kebun beliau terletak di Parit Lapis Maimon, Parit Lubok Darat Semerah Batu Pahat, Johor. Pekebun mengusahakan tanaman nanas seluas 15 ekar yang kebanyakannya terdiri daripada variasi *Moris*, selain *Josapine*. Beliau pernah mendapat bantuan tanaman daripada pihak LPNM pada tahun 2015.
5. Pekebun merupakan pengusaha nanas yang telah menjalankan aktiviti penanaman nanas lebih dari 10 tahun. Tiada sebarang masalah pasaran yang dihadapi oleh beliau selama ini sehinggalah pada tahun 2021 ini di mana PKP 2.0 dan 3.0 telah dilanjut dan dikuatkuasakan.
6. Dijangkakan sebanyak 125,000 biji buah nanas sedang dan akan dikeluarkan dari kebun beliau sepanjang tempoh akhir Jun 2021 hingga pertengahan Ogos 2021. Buah tidak dapat dijual disebabkan oleh pihak peraih/pemborong yang tidak mengambil buah di kebun beliau seperti biasa disebabkan kekurangan permintaan di pasaran ketika PKP.
7. Kekurangan permintaan terutamanya bagi segmentasi masakan yang kebiasaannya melibatkan majlis kenduri kendara, sektor perhotelan dan juga restoran merupakan penyumbang utama kepada masalah pasaran ini.
8. Hasil daripada pertemuan tersebut, pihak LPNM telah menawarkan bantuan bagi menyelesaikan masalah pasaran buah nanas beliau dengan membuat pepadanan bersama pihak kilang pengetinan nanas. Selain itu, LPNM juga berusaha dengan mengenalpasti pihak pemborong yang memerlukan buah nanas ketika ini.

8. Isu masalah pasaran buah nanas ini juga telah berlaku pada PKP 1.0 dan PKP 2.0 yang lalu. LPNM telah mengambil langkah sewajarnya untuk menangani isu ini diperingkat awal antaranya dengan mengeluarkan surat pergerakan bagi memudahkan pengusaha terlibat melaksanakan aktiviti pertanian, pemprosesan dan pemasaran seperti biasa, mengadakan kerjasama bersama pihak pengilang, membuat pepadanan bersama pihak peraih dan pemborong serta mempergiatkan kempen promosi makan nanas dikalangan masyarakat.

9. Selain itu, bagi pekebun berdaftar dan aktif, LPNM sentiasa memantau permasalahan yang dihadapi terutamanya masalah pasaran ketika PKP 3.0 ini. Masalah juga timbul apabila pekebun yang tidak berdaftar serta tidak aktif ini tidak memaklumkan masalah yang dihadapi kepada pihak LPNM.

10. Sehubungan dengan itu, LPNM menyeru kepada pekebun yang mengalami masalah pasaran supaya menyalurkan permasalahan kepada pihak LPNM bagi membolehkan LPNM mengambil tindakan segera. Pekebun boleh menghubungi Pejabat LPNM negeri atau pegawai kawasan bagi menyalurkan aduan serta masalah yang dihadapi.

11. Sebarang aduan dan pertanyaan juga boleh melalui sistem e-maklumbalas LPNM di [www.mpib.gov.my/fms](http://www.mpib.gov.my/fms) atau melalui *Facebook* Rasmi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:**

**Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia**  
**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**  
**3 Julai 2021**